

MOXILEN CAPSULE

Amoxicillin trihydrate (250mg, 500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan MOXILEN CAPSULE
2. Bagaimana MOXILEN CAPSULE berfungsi
3. Sebelum menggunakan MOXILEN CAPSULE
4. Cara menggunakan MOXILEN CAPSULE
5. Semasa menggunakan MOXILEN CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MOXILEN CAPSULE
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan MOXILEN CAPSULE

MOXILEN CAPSULE digunakan untuk merawat:

- Jangkitan saluran pernafasan
- Jangkitan kemaluan dan saluran kencing
- Jangkitan gastrousus
- Jangkitan lain seperti tifoid and penyakit Lyme (jangkitan yang disebarkan oleh kutu)

MOXILEN CAPSULE juga digunakan sebagai pencegahan untuk:

- Jangkitan pneumococcal
- Endokarditis bakteria (sejenis jangkitan pada jantung)

Bagaimana MOXILEN CAPSULE berfungsi

MOXILEN CAPSULE mengandungi bahan aktif amoxicillin, yang merupakan sejenis antibiotik. Ia berfungsi dengan menghentikan pembiakan bakteria.

Sebelum menggunakan MOXILEN CAPSULE

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil MOXILEN CAPSULE jika anda:

- mempunyai alahan terhadap amoxicillin atau penisilin atau mana- mana bahan-bahan lain dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut)
- pernah mempunyai alahan serius terhadap antibiotik, dalam kumpulan beta-laktam seperti cephalosporins, carbapenem atau monobactam

- Sebelum menggunakan MOXILEN CAPSULE

Beritahu doktor anda sebelum mengambil MOXILEN CAPSULE jika anda:

- mempunyai masalah buah pinggang
- mempunyai sejarah sawan
- pernah mengalami cirit-birit apabila menggunakan sebarang antibiotik
- sedang menggunakan kateter pundi kencing atau mengalami kurang kencing
- ada masalah hati
- akan menjalani sebarang ujian makmal

Kehamilan dan penyusuan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Amoxicillin hanya boleh diambil semasa kehamilan jika manfaatnya lebih daripada risiko kepada janin.

Amoxicillin dirembeskan ke dalam susu ibu dan boleh menjejaskan bayi anda. Doktor anda akan membincangkan risiko dan faedah penyusuan susu ibu semasa anda mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana yang berikut:

- Probenecid, allopurinol (ubat untuk merawat gout)
- Tetracyclines (antibiotik)
- Warfarin (ubat cair darah)
- Methotrexate (ubat yang digunakan dalam kanser atau penyakit autoimun)

Cara menggunakan MOXILEN CAPSULE

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa

Dos biasa MOXILEN CAPSULE ialah 250mg- 500mg setiap 8 jam. Doktor akan menetapkan dos dan kekerapan berdasarkan jenis jangkitan yang anda alami.

Kanak-kanak

Doktor akan menetapkan dos dan kekerapan berdasarkan berat anak dan jenis jangkitan yang dihadapi anak anda.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

MOXILEN CAPSULE adalah untuk kegunaan oral. Anda harus menelan kapsul anda secara keseluruhan dengan air.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan bergantung kepada jenis jangkitan anda. Ambil MOXILEN CAPSULE untuk tempoh yang doktor sarankan.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan loya, muntah, cirit-birit, sawan, ketidakseimbangan elektrolit dan pembentukan kristal dalam air kencing.

Semasa menggunakan MOXILEN CAPSULE

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan MOXILEN CAPSULE.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Ambil MOXILEN CAPSULE hanya dengan preskripsi doktor.

MOXILEN CAPSULE

Amoxicillin trihydrate (250mg, 500mg)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan MOXILEN CAPSULE tanpa nasihat doktor anda walaupun anda berasa lebih baik.

Jangan gunakan sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan MOXILEN capsule kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin
Berhati-hati memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana MOXILEN CAPSULE memberi kesan kepada anda kerana ubat ini boleh menyebabkan anda berasa pening

MOXILEN CAPSULE 500MG mengandungi carmoisine yang boleh menyebabkan reaksi alahan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, MOXILEN CAPSULE boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan biasa

- cirit-birit, loya
- ruam kulit

Kesan sampingan tidak biasa

- Muntah
- Geligata
- Kegatalan

Kesan sampingan yang sangat jarang

- Gangguan darah seperti penurunan kiraan sel darah
- Reaksi alahan yang teruk seperti bengkak, kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata
- Pergerakan yang berlebihan, pening dan sawan
- Lidah berbulu hitam
- Keradangan dan jaundis
- Keradangan buah pinggang
- Pembentukan kristal dalam air kencing
- Jangkitan kulat yang menjejaskan kulit dan membran mukus.
- Keradangan usus besar

- Hentikan penggunaan MOXILEN CAPSULE dan jumpa doktor dengan segera jika anda mengalami reaksi alahan yang serius seperti *Drug Reaction with Eosinophilia and Systemic Symptoms* (DRESS). DRESS bermula dengan simptom seperti selesema dengan ruam pada muka dan kemudian menjadi lebih teruk, suhu tinggi dan pembesaran nodus limfa

Kekerapan tidak diketahui:

- Tindakbalas *Jarisch-Herxheimer*: Tindak balas yang jarang berlaku terhadap antibiotik, menyebabkan gejala yang serupa dengan demam selesema.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan MOXILEN CAPSULE

- Penyimpanan

Jauhkan ubat-ubatan daripada kanak-kanak

Simpan ubat di bawah suhu 30°C, dalam bungkusan asal untuk melindungi daripada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui sisa buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda untuk cara melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

MOXILEN CAPSULE 250mg ialah serbuk putih dalam kapsul gelatin keras berwarna merah jambu/kelabu yang dicetak dengan "MOXILEN".

MOXILEN CAPSULE 500mg ialah serbuk putih dalam kapsul gelatin keras berwarna merah darah/putih yang dicetak dengan "MOXILEN".

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Amoxicillin

- Bahan tidak aktif
MOXILEN CAPSULE 250mg
Gelatin, erythrosine (E127), red iron oxide (E172), black iron oxide (E172), titanium dioxide (E171), Magnesium stearate

MOXILEN CAPSULE 500mg
Gelatin, erythrosine (E127), brilliant blue FCF (E133), carmoisine (E122), titanium dioxide (E171), Magnesium stearate

- Nombor MAL

MOXILEN CAPSULE 250mg:
MAL19860458AZ

MOXILEN CAPSULE 500mg:
MAL19860465AZ

Pengilang

Medochemie Ltd (Factory B),
48 Iapetou Street, Agios Athanassios
Industrial Area, 4101 Agios
Athanassios, Limassol, Cyprus

Pemegang Pendaftaran Produk

Komedic Sdn Bhd
4 Jalan PJS 11/14, Bandar Sunway,
46150 Petaling Jaya, Selangor.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/03/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)220324/00044